

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL**
[JELEBU]
- TARIKH** : **22 APRIL 2014**
- SOALAN** : **Tuan Haji Zainudin bin Ismail** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) sejauhmana tragedi kehilangan pesawat MAS MH370 memberi kesan ke atas hubungan di antara negara kita dengan China khususnya tentang penerimaan dan tanggapan rakyat terbanyak negeri China terhadap negara kita ekoran tragedi tersebut; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengekalkan hubungan baik kita dengan China agar tidak menjejaskan perdagangan dan kehadiran pelancong dari China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Zainudin bin Ismail di atas soalan yang diajukan.

2. Sepertimana Dewan yang Mulia ini sedia maklum, tragedi MH370 ini adalah, dengan izin *unprecedented* dalam sejarah industri penerbangan dunia.

3. Dalam hal ini, saya ingin memaklumkan bahawa sebanyak 26 buah negara asing termasuk China yang mempunyai hubungan baik dengan Malaysia telah tampil menghulurkan bantuan atau memberi kerjasama serta sokongan padu terhadap usaha mengesan pesawat MH370. Kerajaan Malaysia amat bersyukur dan berterima kasih dengan segala bentuk sokongan dan bantuan yang telah dihulurkan oleh negara-negara terbabit termasuk dari China.

4. Semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China baru-baru ini (27 Mei – 1 Jun 2014). Yang Amat Berhormat telah menyampaikan penghargaan dan rasa terima kasih Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada Presiden dan Perdana Menteri China di atas segala bantuan yang telah dihulurkan di dalam usaha mencari MH370. Kedua-dua negara menekankan bahawa hubungan dua hala tidak akan terjejas disebabkan insiden tersebut sebaliknya hubungan persahabatan akan menjadi lebih kukuh pada masa hadapan.

5. Ke arah memeperkukuhkan hubungan dengan China, Kerajaan Malaysia akan terus melaksanakan program-program yang menyumbang kepada peningkatan kerjasama yang merangkumi semua bidang antara kedua-dua negara. Ini selaras dengan persetujuan kedua-dua negara untuk menaikkan taraf hubungan kepada *Comprehensive Strategic Partnership*.

6. Langkah-langkah utama yang dilaksanakan adalah meningkatkan pertukaran lawatan antara pemimpin-pemimpin negara, anggota-anggota pentadbiran dan ahli-ahli parlimen dan pelbagai peringkat. Selain itu, kedua-dua negara juga komited untuk menggalakkan pasaran perdagangan dan meningkatkan pelaburan untuk kepentingan bersama.

7. Pihak China juga telah memuji misi mencari dan menyelamatkan MH370 yang dikendalikan oleh Kerajaan Malaysia setakat ini dan juga dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan dengan waris dan keluarga penumpang MH370. Dalam pada itu, Malaysia akan terus komited dalam usaha mencari MH370 hingga dijumpai.

8. Malaysia merupakan destinasi kegemaran bagi pelancong-pelancong dari RRC. Malaysia dan China komited untuk terus berusaha bagi memulihkan keyakinan para pelancong RRC untuk berkunjung ke Malaysia. Berdasarkan reaksi positif hasil lawatan YAB Perdana Menteri, kerajaan Malaysia yakin bahawa sektor perdagangan dan kehadiran pelancong dari China akan terus meningkat.

Sekian, terima kasih.